

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 MEI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 24

### Kenaikan OPR demi perkukuh nilai ringgit

# Kenaikan OPR demi perkukuh nilai ringgit



Mata wang stabil mampu bantu kawal kenaikan harga barang

Oleh Alzahrin Alias dan Nur Amira Mohd Hedzer  
bhbiz@nsp.com.my

**Kenaikan** luar jangkaan Kadar Dasar Semalam (OPR) oleh Bank Negara Malaysia (BNM) baru-baru ini turut bermatlamat mengukuh dan melindungi ringgit daripada terus lemah.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata walaupun OPR memberi kesan kepada kos bulanan sara hidup rakyat, kedudukan ringgit yang stabil sedikit sebanyak se-cara tidak langsung mengawal kenaikan harga barang kerana mata wang yang kukuh akan membantu import menjadi lebih rendah (nilai pembelian barang import) yang seterusnya akan menekang kenaikan inflasi.

"OPR bukan saji instrumen untuk mengawal inflasi, tetapi keseluruhan ekonomi.

"BNM mempunyai tanggungjawab melihat unjuran bekalan wang dan dasar mata wang untuk tempoh masa panjang," katanya ketika ditemui selepas Majlis Sambutan Adidifitri Kementerian Ekonomi di Putrajaya, semalam.

Majlis turut dihadiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Rafizi berkata, tindakan BNM menaikkan OPR kali ini disifatkan lebih kepada respon langkah kenaikan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS).

Beliau berkata, ia juga adalah mengenai kesmasukan wang ke negara kerana jurang OPR ketika ini masih besar iaitu lebih dua peratus.

Katanya, AS menaikkan kadar faedah pada masa terdekat dan jika perkara itu tidak dapat ditangani dengan baik, ia menyebabkan pelaburan dana atau portfolio pelaburan keluar dari Malaysia ke negara lain.

"Ia juga sebahagian daripada kerangka yang perlu dilihat secara keseluruhan. Memang kalau dikira, sebarang kenaikan OPR untuk tempoh jangka masa panjang akan membebankan rakyat kerana mereka yang berhutang terpaksa menambah bayaran semula hutang.

"Namun, perlu diingat bahwa kita sudah kembali ke zaman sebelum pandemik dan ekonomi global memang sudah kembali kepada kadar faedah sebelum pandemik laju ilmu peratus ke atas.

"Jika kita tidak sesuaikan kadar kita dengan pasaran dunia, itu membawa kesan lain, terutama risiko dana atau portfolio pelaburan itu keluar yang akhirnya akan melemahkan mata wang dan mengurangkan pelaburan. Jika ia terjadi, secara tidak langsung menaikkan harga barangangan import," katanya.

**Tiada campur tangan politik**  
Beliau -turut mengulangi- langkah menaikkan OPR berdasarkan tanggungjawab untuk pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang dan tidak ada sebarang

campur tangan politik.

Dalam perkembangan berkaitan, Rafizi berkata, kerajaan akan terus fokus menangani setiap komponen yang mempengaruhi kos sara hidup bagi menambah baik taraf hidup rakyat.

Beliau berkata, terdapat beberapa komponen menjadi tumpuan utama iaitu menurunkan kadar inflasi serta memastikan struktur penawaran dan bekalan dapat diperbaiki.

Menurutnya, Indeks Harga Pengguna (IHP) Malaysia yang mengukur tahap inflasi bagi Mac 2023 telah mereda kepada 3.4 peratus dengan mata indeks menurun 129.9 berbanding 125.6 pada bulan sama 2022, seiring sara-sara kerjaan bagi memastikan inflasi dapat dikawal dan mencapai kadar sekitar 2.8 hingga 3.3 peratus pada akhir tahun ini.

Justeru, katanya apabila inflasi dapat turun sehingga antara 2.8 hingga 3.3 peratus, ia akan menjadi tahap inflasi normal dan dianggap sihat dalam mana-mana ekonomi.

"Terdapat beberapa komponen

• Tindakan BNM menaikkan OPR kali ini disifatkan lebih kepada respon langkah kenaikan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan Amerika Syarikat

**Rafizi Ramli,**  
Menteri Ekonomi



dalam inflasi dan harga barang. Salah satu adalah pastikan kenaikan (harga) tidak naik mendadak. Apabila naik mendadak ia akan menurunkan kuasa beli dan memberi kesan ketara kepada pengguna.

"Apabila tahap inflasi turun, ia akan menyebabkan kenaikan harga barang turut mereda. Pada masa sama, tumpuan kerajaan juga adalah memastikan struktur penawaran dan permintaan, terutama pembekalan dapat diperbaiki," katanya.

Rafizi berkata, walaupun IHP semakin turun bulan ke bulan dan usaha terus dipertingkatkan untuk memperbaiki struktur penawaran dan pembekalan, namun impak kepada penurunan harga barang masih belum dapat dirasai dalam masa terdekat.